

# MENILAI KEBERKESANAN PELAKSANAAN AKTA 792



**SALLEH BUANG**

**P**ADA awal Juni 2017, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said menyatakan bahawa Akta Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) akan bermula di Mahkamah pada 30 Julai tahun yang sama.

Akta baharu ini yang diluluskan Parlimen pada April sebelumnya, bertujuan melindungi kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah daripada jenayah seksual. Sesiapa yang melakukan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak boleh dipenjarakan sehingga 30 tahun dan dihukum sebat.

Menepis kritikan esetengah pihak bahawa akta baharu ini bertindih dengan beberapa undang-undang lain sedia ada seperti Kanun Keseksuan, Fugatal Undang-Undang Parlimen, Jabatan Peguam Negara, Datuk Jari Mohd. Ibrahim menjelaskan bahawa Akta 792 ini bersifat lebih menyeluruh dan terperinci berhubung kesalahan-kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak serta mengambil kira perkembangan teknologi semasa.

Sebagai contoh, jika undang-undang sebelum ini hanya menyetujui mengenai bahan pornografi bercetak, akta baharu pula akan turut meliputi bahan teks bercetak. Selain itu, akta baharu ini perlu dibaca bersama dengan undang-undang sedia ada.

Kini setelah setengah tahun berlalu, adakah akta baharu ini terbukti berkesan menubuhkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak kita?

Pada Oktober lalu, Azalina memaklumkan Dewan Rakyat bahawa sebanyak 293 kes telah didaftarkan di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (MSJK) sejak pembuatannya pada 22 Jun 2017.

Daripada jumlah itu, sebanyak 248 kes (84 peratus kes) dapat diselesaikan dalam tempoh tiga bulan, MSJK dilengkapi dengan sistem transkripsi rakaman mahkamah (CRT), sistem audio

visual dan bilik saksi kanak-kanak yang membantu mempercepatkan prosiding mahkamah.

Di samping itu, pada Julai 2017, Parlimen telah meluluskan Akta Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang bertujuan melindungi kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah daripada jenayah seksual. Sesiapa yang melakukan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak boleh dipenjarakan sehingga 30 tahun dan dihukum sebat.

Di bawah tajuk pertama (penerimaan laporan dan siasatan), GPK ini menyatakan bahawa laporan polis mengenai kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak boleh dibuat di mana-mana balai polis, pondok polis atau hospital.

Laporan polis ini boleh ditulis sendiri oleh pengadu dalam borang atau ditulis oleh pegawai polis. Apabila siap, laporan ini hendaklah dibaca semula kepada pengadu oleh pegawai polis yang menerima pengaduan dan ditandatangani oleh pengadu sebelum ditandatangani oleh pegawai polis.

Pengadu perlu dimaklumkan mengenai nombor pengaduan. Pegawai Penyiasat/Investigating Officer (IO) atau Penolong Pegawai Penyiasat/Assistant Investigating Officer (AIO) akan dimaklumkan oleh pegawai polis yang menerima pengaduan tersebut.

GPK turut menggariskan prosedur menerima pengadu, mengklasifikasikan kesalahan, merancang perancangan dengan pengadu/mangsa melalui video di pusat temuduga kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan, penyediaan



**BUKU** garis panduan khas yang dibekalkan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi membolehkan kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak diselesaikan dengan lebih cekap. - AZHARISAM BOKARI

an laporan perubatan, siasatan di tempat kejadian, tangkapan orang yang disyaki, merakam percakapan di bawah sekatan 112 Kanun Tatacara Jenayah, permohonan reman di bawah sekatan 117 Kanun Tatacara Jenayah, kawad cim, pentiliran keterangan dan akhir sekali rujukan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Di bawah tajuk kedua (percikaraan), GPK ini menyatakan mengenai dua kaedah utama bagi penyelesaian kes - iaitu melalui percikaraan penuh atau percikaraan ringkas (summary trial).

Percikaraan penuh ini berlaku apabila Orang Kena Tuduh (OKT) membuat pengakuan salah, GPK ini juga memperincikan ciri-ciri khas pengendalian saksi kanak-kanak semasa percikaraan, penghukuman, dan prosedur pasca bicara.

Di bawah tajuk ketiga (pengendalian mangsa dan saksi kanak-kanak), GPK ini menegaskan bahawa mangsa dan saksi kanak-kanak dalam kes kesalahan seksual terpaksa berhadapan dengan pelbagai pihak seperti

mahkamah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Timbalan Pendakwa Raya, Peguam, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Kebajikan Masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan, selain OKT orang yang melakukan jenayah terhadapnya.

Oleh itu, GPK menggariskan prosedur pra-bicara, bicara, dan peranan pihak-pihak tertentu seperti Timbalan Pendakwa Raya, Hakim bicara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pegawai penyiasat, dan peranan peguam dan pendamping peguam.

Di bawah tajuk keempat (khidmat perlindungan dan sokongan kepada mangsa dan saksi kanak-kanak), GPK ini menghubungkan khidmat perlindungan dan sokongan yang diberikan oleh beberapa agensi awam tertentu, antaranya JKJ, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, PDRM, dan Jabatan Bantuan Guaman. Turut dipencapaian tatacara perlindungan mangsa kanak-kanak di bawah bidang kuasa JKJ, khidmat sokongan saksi dan intervensi pemulihan.

Kesimpulannya, prasarana perundangan untuk menangani kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak nampaknya sudah lengkap. Akta 792 yang baharu ini perlu dibaca bersama dengan undang-undang lain sedia ada, manakala kini segala gerak kerja oleh agensi awam lain yang berkaitan sudah pun dipermudahkan dengan garis panduan yang lengkap, disediakan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Walaupun menyedari bahawa pada pinalipnya suatu garis panduan itu tidak mempunyai kekuatan perundangan, pastinya ada sebab-sebab tertentu kenapa di peringkat awal begitu kerajinan memahirkan suatu kaedah atau peraturan di bawah Akta 792 ini belum perlu digubal dan dikurangkan.

**DATUK SALLEH BUANG** ialah bekas Profesor Tunku Universiti Terengganu Malaysia (UTM) Kuala Terengganu.